



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

TALKING POINT YB DATUK AARON AGO DAGANG MENTERI PERPADUAN NEGARA

KARNIVAL UNITI PESTA BOLA MERDEKA KUALA LUMPUR 2023

- Kerajaan melalui pembentangan Belanjawan 2023 telah memperuntukan sebanyak RM50 juta melalui Geran Padanan Sukan Perpaduan di bawah inisiatif Ikhtiar 11: Menjamin Keharmonian dan Perpaduan, Tekad Ketiga: Keadilan Sosial Untuk Menyederhana Kesenjangan bagi meraikan kepelbagaian dan merapatkan jurang perbezaan. Geran Padanan Sukan Perpaduan ini bertujuan untuk **mendorong penglibatan sektor swasta untuk penganjuran program sukan, khususnya yang melibatkan sukan berteraskan perpaduan** di seluruh negara.
- Karnival Uniti Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 merupakan salah satu program yang dirancang oleh kementerian bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia.
- Karnival ini dilihat berpotensi menjadi tapak integrasi bagi menyatupadukan rakyat Malaysia khususnya dengan menjadikan sukan sebagai medium perpaduan selain mencipta “*moment of unity*” dalam kalangan rakyat Malaysia.
- Mengangkat tema ‘Bola Sepak Menyatukan Kita’ dengan menjadikan karnival ini sebagai salah satu platform dalam menyatupadukan masyarakat Malaysia.

- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam penganjuran **Pesta Bola Merdeka (PBM) 2023 untuk membawa mesej-mesej perpaduan, menjadikan ruang dan peluang terbaik bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme, perpaduan dan kesepaduan** rakyat Malaysia.

- **Objektif program** adalah seperti berikut:
 - Mempromosikan **kemeriahan Pesta Bola Merdeka (PBM)** bersama seluruh rakyat Malaysia;
 - Memupuk **semangat perpaduan antara kaum dalam kalangan rakyat Malaysia** melalui sukan;
 - Menyemarakkan lagi **semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia** yang pelbagai kaum; dan
 - **Mempromosikan keindahan dan kepelbagaian etnik, budaya dan warisan negara kepada negara luar** yang turut sama dalam PBM.

- Jumlah kehadiran pengunjung yang **disasarkan bagi program ini ialah seramai 100,000 orang.**

- Penganjuran karnival ini adalah bersempena dengan kejohanan Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 di Stadium Nasional Bukit Jalil yang julung-julung kalinya diadakan bermula **13 hingga 17 Oktober 2023.**

- Dua (2) acara awal akan dipertandingkan bagi mempromosikan kehangatan Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 ini iaitu
 - perlawanan bola sepak kategori kanak-kanak pada 30 September 2023 dan 1 Oktober 2023 di Stadium MPAJ, Selangor
 - perlawanan bola sepak amal bersama lagenda bola sepak negara dan selebriti pada 7 Oktober 2023 di Stadium KLFA, Cheras.

- Antara **pengisian** yang akan dijalankan melalui Karnival Uniti Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023 ini adalah seperti berikut:
 - Majlis Pelancaran Karnival UNITI Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur 2023;
 - Siri Jelajah Karnival Uniti PBM 2023;
 - PBM Uniti Fun Ride & Fun Run;
 - Kejohanan Bola Sepak PBM bawah 8,10 & 12;
 - Perlawanan Amal (Charity Match) Bola Sepak PBM;
 - Ziarah Kasih Uniti Lagenda PBM;
 - Street Soccer Uniti 3on3;
 - Pertandingan PBM “Penalty Challenge”; dan
 - Karnival Uniti Pesta Bola Merdeka (PBM) 2023

- Sukan merupakan antara medium penting dalam memupuk perpaduan selain dapat menambahbaik ekosistem perpaduan yang sedia ada. Justeru, saya berharap agar semua pihak dapat memberikan sepenuh kerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang ini serta dapat dilaksanakan dengan jayanya.